



**TEKS UCAPAN  
YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HANSA  
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS PENGANUGERAHAN  
DIPLOMA PENGURUSAN AWAM  
INTAN 2013**

**7 JANUARI 2014 (SELASA)  
8.10 PAGI  
PUSAT KONVENSYEN ANTARABANGSA  
PUTRAJAYA**

*Bismillahir rahmanir rahim.*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berbahagia Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed  
Ahmad  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Pembangunan);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Ismail Alias  
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
(Operasi);

Yang Berbahagia Dato' Dr. Halim Man  
Pengarah Institut Tadbiran Awam Negara  
(INTAN);

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Puan Sri-Puan  
Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin, dif-dif kehormat,  
para graduan dan para hadirin sekalian.

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT kerana dengan iradat dan inayah-Nya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama dalam majlis pada pagi ini. Setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan kepada **Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)** kerana berjaya mengadakan majlis ini dan tahniah juga kepada **para graduan** sekalian kerana telah menamatkan Kursus

Diploma Pengurusan Awam (DPA), anjuran INTAN, dengan jayanya.

2. Saya percaya majlis penganugerahan hari ini merupakan saat yang ditunggu-tunggu oleh para graduan semua dan **merupakan salah satu detik bersejarah dalam perkhidmatan anda semua.** Setelah mengikuti pelbagai modul latihan dan pendedahan kepada pelbagai ilmu pengetahuan selama enam bulan, penganugerahan ini membuktikan bahawa **kesungguhan, kesabaran dan ketabahan** saudara-saudari sekalian adalah tidak sia-sia.

3. Kepada para ibu bapa, suami atau isteri para graduan, kejayaan anak-anak atau pasangan tuan-tuan dan puan-puan ini membuktikan **komitmen** mereka untuk melayakkan diri menjadi sebahagian daripada anggota perkhidmatan

awam yang sentiasa **bersedia melaksanakan tugas dan amanah demi kecemerlangan pentadbiran negara.**

## **MENJAYAKAN AGENDA TRANSFORMASI NEGARA**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

4. Perkhidmatan awam, yang menjadi **tonggak pentadbiran negara**, sedang giat menjayakan agenda transformasi negara. Semenjak era kemerdekaan, perkhidmatan awam Malaysia telah menggalas pelbagai peranan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi kepimpinan negara. Antara peranan tersebut termasuklah sebagai ***advisors, negotiators, service providers, controllers, facilitators*** dan kini sebagai ***drivers*** dan ***trendsetters***.

5. Namun begitu, landskap baru global kini yang menyaksikan perubahan dinamik telah memberi kesan yang begitu ketara kepada masyarakat, kerajaan dan negara. Dalam hal ini, **perkhidmatan awam perlu membuat anjakan** dalam peranannya bagi memenuhi ekspektasi baharu dan menangani ketidaktentuan persekitaran global. Bagi tujuan memperkasa keupayaan dan kebolehan untuk melonjakkan negara pada tahap maju dan berpendapatan tinggi, agenda gerakan transformasi telah diusahakan oleh Kerajaan secara holistik dengan meliputi semua lapangan kehidupan utama. YAB Perdana Menteri sewaktu Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ketigabelas pada 11 Mac 2013 telah meletakkan harapan yang besar kepada kita apabila beliau menegaskan bahawa **penjawat awam merupakan agen**

**transformasi paling hadapan dalam perantaraan di antara rakyat dan Kerajaan.**

## **TAAT SETIA DAN INTEGRITI**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

6. Perkhidmatan awam merupakan komponen penting dan penghubung dalam **menterjemahkan wawasan negara** kepada program-program yang boleh dilaksanakan. Kita mempunyai kewajipan untuk **memenuhi aspirasi negara dan berkhidmat bagi melaksanakan mandat** yang telah diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan. Amanah dan kewajipan ini perlu **ditunaikan dengan penuh taat setia**. Selaku anggota perkhidmatan awam, kita harus **memegang kuat prinsip taat setia yang tidak berbelah bagi** kepada negara, Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong dan kerajaan yang memerintah.

Sebagai penjawat awam, kita hendaklah sentiasa **menjaga nama baik dan imej perkhidmatan** dari segi kelakuan dan percakapan.

7. Dalam apa jua tugas yang dilaksanakan, adalah penting saudara-saudari **melaksanakannya dengan penuh amanah dan berintegriti, serta tidak sesekali mengutamakan kepentingan diri sendiri.** Integriti bukan sekadar bermaksud menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa yang melibatkan wang ringgit. Integriti juga perlu diterjemahkan dalam pengurusan masa, dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, dalam menyampaikan maklumat serta integriti dalam komunikasi dengan ketua jabatan, rakan sekerja dan pelanggan.

## TUGAS SEBAGAI SATU AMANAH

Para hadirin yang dihormati sekalian.

8. Setiap tugas yang diberikan merupakan satu amanah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Selaku penjawat awam, kita mempunyai peranan yang sangat besar dalam **memastikan setiap dasar dan agenda nasional direalisasikan sebaik mungkin**. Harapan saya ialah supaya **semangat dan komitmen untuk berkhidmat kepada rakyat dan negara tertanam kukuh dalam sanubari** masing-masing agar anda semua dapat mengorak langkah bersama dalam mencapai visi negara.

9. Selaku penjawat awam, kita tidak boleh kekal selesa pada tahap pencapaian sedia ada. ***Never rest on your laurels. No matter how much you have done, or how successful you have been,***

***there is always more to do, more to learn, more to achieve.*** Ekspektasi rakyat terhadap perkhidmatan awam semakin hari semakin tinggi dan ini sudah tentunya memerlukan kita membuat pembaharuan yang berterusan supaya **sentiasa responsif, relevan, cekap, cepat dan berkesan** dalam memenuhi permintaan dan harapan rakyat.

## **AKAUNTABILITI**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

10. Perkhidmatan awam perlu dijajarkan dengan kehendak dan aspirasi rakyat, memberi fokus kepada keutamaan rakyat dan mengoptimalkan penggunaan sumber awam untuk mencapai impak yang diharapkan. Sebagai penjawat awam dan khususnya pegawai PTD, kewajipan saudara-saudari sekalian adalah untuk berikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam

setiap bidang pekerjaan, sepertimana saudara-saudari mengharapkan perkhidmatan yang terbaik diberi kepada keluarga, saudara-mara dan sahabat-handai apabila mereka berurusan dengan agensi awam. Inilah intipati konsep '**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**' yang akan saya jelaskan dengan lebih terperinci sebentar lagi.

## **HARAPAN KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

11. **Apakah peranan kita sebagai penjawat awam khususnya sebagai seorang pegawai PTD muda dalam menjayakan agenda transformasi negara?** Kita telah dilatih untuk menggalas pelbagai tanggungjawab dan peranan di semua peringkat dalam perkhidmatan awam. Dengan kata lain, kita telah diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk menjadi ***pacesetters*** dan

**change agents** bagi memajukan negara ini. Untuk meraih kepercayaan rakyat, sindrom penafian (*the “denial syndrome”*) dan kepercayaan bahawa “kita lebih tahu apa yang terbaik buat mereka,” perlu dikikis. Kekurangan dalam perancangan atau pelaksanaan dasar atau prosedur kerja, harus diakui dan diperbetulkan.

12. Perkhidmatan awam kini terdedah kepada penelitian kritikal daripada orang awam; apatah lagi bila berhadapan dengan persepsi bahawa masih berlakunya karenah birokrasi, ketidakcekan, prestasi di bawah tahap, ketidaktelusan dan kurangnya akauntabiliti. Oleh itu kita perlu **mengubah persepsi dan tanggapan negatif sesetengah anggota masyarakat terhadap perkhidmatan awam** dengan menunaikan janji Kerajaan kepada rakyat

menerusi pemberian **perkhidmatan yang cepat, tepat dan berintegriti.**

13. Di kesempatan ini, saya ingin berkongsi dengan para hadirin beberapa harapan saya terhadap penjawat awam, khususnya saudara-saudari para PTD muda sekalian:

#### **A. MEMBUDAYAKAN KONSEP 'MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM'**

14. Konsep '**Merakyatkan Perkhidmatan Awam**' perlu menjadi budaya kerja. Konsep ini bertunjangkan enam prinsip, iaitu:

- **Insaniah** iaitu segala tindakan adalah berasaskan kepada pegangan dan nilai agama;
- **Keterbukaan** dalam menerima pandangan dan maklumbalas;

- **Turun Padang**, yang telah dipertingkatkan usahanya melalui **Program Jejak Mesra Perkhidmatan Awam (*Search and Assist*)**;
- **Musyawarah** dalam mencari kaedah penyelesaian sesuatu masalah atau isu demi mewujudkan persetujuan bersama di antara semua pihak yang terlibat;
- Mengoptimalkan **Kerjasama Awam-Swasta-Badan Bukan Kerajaan (NGO)**; dan
- Mengukuhkan semangat **Kekitaan**.

## **B. MENGUKUHKAN KEWIBAWAAN MODAL INSAN**

15. Pengukuhan budaya kerja berprestasi tinggi dalam perkhidmatan awam adalah penting dalam persekitaran global yang kian kompetitif, jika kita

berhasrat untuk **meningkatkan daya saing Malaysia di persada antarabangsa** sepertimana pencapaian negara yang menduduki tempat ke-6 dalam *World Bank Doing Business Report 2014*. Sesungguhnya, inilah harapan saya kepada saudara-saudari sekalian, untuk **sentiasa meningkatkan kebolehan diri supaya menjadi aset kepada kerajaan dan bakat terbaik perkhidmatan awam**. Kualiti perkhidmatan awam hari ini dan masa hadapan sebenarnya ditentukan oleh kualiti bakat yang ada di dalamnya.

16. Li Ka-shing, tokoh perniagaan terkemuka Hong Kong dan antara individu terkaya di Asia, pernah mengatakan, "***We are approaching a new age of synthesis. Knowledge cannot be merely a degree or a skill. It demands a broader vision, capabilities in critical thinking and***

***logical deduction without which we cannot have constructive progress.”***

17. Selain menerusi pembacaan dan latihan formal, usaha melengkap diri memerlukan saudara-saudari mempelajari kebijaksanaan dan pengalaman menerusi **hubungan sebagai apprentice dengan pegawai senior yang bertindak sebagai jurulatih, mentor dan guru.**

### **C. PENJAWAT AWAM SEBAGAI *PACE-SETTERS* DAN *TRENDSETTERS***

18. Baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan **11 langkah perbelanjaan berhemat oleh sektor awam.** Langkah-langkah ini merupakan ‘**sumbangan**’ **Kerajaan** dalam usaha memastikan wang awam dibelanjakan secara berhemah dan berpatutan.

19. Sebagai penjawat awam, kita perlu menjadi contoh kepada orang ramai dalam memastikan langkah-langkah ini diamalkan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan yang saudara-saudari ditempatkan. Antara langkah-langkah yang telah diambil, termasuklah:

- Pengurangan sebanyak 5 peratus kos utiliti elektrik di kesemua Kementerian/Jabatan/Premis/Agensi Kerajaan;
- Mengetatkan pelantikan juru perunding atau *consultant* untuk projek-projek fizikal Kerajaan;
- Mengurangkan penggunaan syarikat pengurusan acara atau *event management* serta pemberian saguhati (*door gifts*) atau cenderamata untuk penganjuran persidangan atau majlis-majlis kerajaan yang membabitkan

Anggota Pentadbiran dan penjawat awam;

- Mengurangkan penyediaan makanan dan minuman semasa penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi Kerajaan;
- Mengurangkan penggunaan kain pemidang (*bunting* dan *banner*) bagi penganjuran persidangan, seminar, mesyuarat, kursus, bengkel atau sebarang acara rasmi Kerajaan; dan
- Mengaplikasikan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dengan mengoptimalkan penggunaan Pusat Latihan 1Malaysia atau 1Malaysia *Training Center* (1MTC) dan juga kemudahan-kemudahan di institusi-institusi latihan milik kerajaan bagi

penganjuran kursus, seminar dan bengkel.

Saya percaya dan yakin bahawa langkah-langkah ini akan berupaya **mendisiplinkan penjawat awam dan mencorakkan *mind-set* ke arah pengurusan sumber kewangan yang lebih berkesan dan berhemat.** Langkah-langkah yang turut membabitkan **pegawai kanan Kerajaan ini** menunjukkan penjawat awam **sentiasa bersama rakyat, dan selaras dengan konsep ‘Merakyatkan Perkhidmatan Awam.’**

## **PTD MUDA SEBAGAI PEMIMPIN MASA HADAPAN**

Para hadirin yang dihormati sekalian.

20. Dalam memberikan khidmat kepada rakyat, kita akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai

perspesi negatif dan halangan. Ianya adalah perjuangan untuk memenangi hati dan pemikiran mereka yang sebenarnya **perlu bermula dengan perubahan minda kita sendiri**. George Bernard Shaw mengatakan: “***Progress is impossible without change, and those who cannot change their minds cannot change anything.***”

21. Jika saudara-saudari memiliki **kehendak dan azam kuat**, saya yakin anda akan menjadi **pemimpin yang berkaliber** suatu hari nanti. **Pengukuhan kewibawaan dan pembangunan kompetensi kepimpinan adalah proses berterusan** tanpa kesudahan. Laksanakan tanggungjawab anda dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab dan dengan gigih setiap masa. *Insyallah*, saudara-saudari PTD sekalian akan menerima ganjarannya bila tiba masanya. **Usaha**

**dan pengorbanan anda pasti akan mendatangkan hasil kepada negara.**

22. Sekali lagi saya mengucapkan **syabas** atas kejayaan saudara-saudari **mengikuti Kursus DPA tahun 2013, anjuran INTAN**. Saya juga mengucapkan **tahniah kepada INTAN dan para pegawainya yang sentiasa komited dalam menjayakan pelaksanaan Kursus DPA** untuk pegawai PTD muda sekalian.

23. Semoga Allah SWT merestui niat murni dan memberkati segala usaha kita dalam mengharungi segala cabaran bagi menjayakan agenda transformasi serta membawa kemajuan kepada negara. Sekian. *Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*